



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KECERDASAN EMOSI DAN HUBUNGANNYA DENGAN STRES BEBANAN TUGAS GURU TADIKA

NORAINIL UMMI BINTI YUSOF@HASAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-
KANAK)

(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan di antara kecerdasan emosi dengan stres bebanan tugas guru tadika. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat interaksi lima bidang utama dalam kecerdasan emosi iaitu kemahiran intrapersonal, kemahiran interpersonal, kemahiran penyesuaian, pengurusan tekanan dan keadaan perasaan am ke atas pembolehubah stres bebanan tugas. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan reka bentuk tinjauan deskriptif. Seramai 87 orang guru tadika di kawasan Mukim Kota Damansara, Selangor dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel bagi kajian ini. Satu set soal selidik yang terdiri daripada *Emotional Quotient Inventory (EQ-i)* digunakan untuk mengukur tahap kecerdasan emosi guru tadika dan *Teacher Stress Nut Guidance to Divisions and Associations* bagi mengukur tahap stres bebanan tugas guru tadika. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 20 melibatkan statistik deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan tahap kecerdasan emosi guru tadika dan tahap stres bebanan tugas manakala statistik inferensi melibatkan ujian korelasi Pearson yang menerangkan perhubungan yang mungkin wujud antara pembolehubah kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap kecerdasan emosi guru tadika berada di tahap sederhana manakala tahap stres bebanan tugas guru tadika berada di tahap tinggi. Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan stres bebanan tugas guru tadika. Di mana, terdapat juga hubungan yang signifikan antara domain kecerdasan emosi iaitu kecerdasan intrapersonal, kecerdasan interpersonal, kemahiran penyesuaian, pengurusan tekanan dan keadaan perasaan am dengan stres bebanan tugas guru tadika. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa tahap stres bebanan tugas guru tadika boleh dilihat berdasarkan tahap kecerdasan emosinya. Implikasi kajian menunjukkan bahawa kecerdasan emosi yang baik dapat mengurangkan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.





EMOTIONAL INTELLIGENCE AND IT'S RELATIONSHIP WITH KINDERGARTEN TEACHERS' WORKLOAD STRESS

ABSTRACT

The main purpose of this research being conducted is to identify the relationship between emotional intelligence (EQ) and kindergarten teachers' workload stress. Aside from that, this research aims to examine the interaction between the five domains of emotional intelligence which are intrapersonal, interpersonal, adaptability, stress management and general mood and the variables of workload stress. This research used a quantitative approach which involves the design of a descriptive and inference survey. A total of 87 kindergarten teachers in Mukim Kota Damansara, Selangor was randomly chosen to be the samples for this research. A set of questionnaire that consists of Emotional Quotient Inventory (EQ-i) was used to measure the level of kindergarten teachers' emotional intelligence and Teacher Stress Nut Guidance to Divisions and Associations was used to measure the workload stress level of kindergarten teacher. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20 for descriptive statistics and inference analysis. Descriptive analysis describes the level of emotional intelligence teachers' workload and stress level while statistical inference involves Pearson correlation test describes the relationship that may exist between variables. The findings show that emotional intelligence of kindergarten teachers' is medium while the level of stress workload is high. Pearson correlation analysis showed that emotional intelligence has a positive and significant relationship with kindergarten teachers' workload stress. Where by, there is a significant relationship between domain emotional intelligence of intrapersonal, interpersonal, adaptability, stress management and general mood with stress kindergarten teacher workload. The conclusion of the research shows that the stress level of kindergarten teachers can be observed through their emotional intelligence. The implication of the research proves that good emotional intelligence will be able to reduce the kindergarten teachers' stress due to the immense workload.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	4
1.2	Pernyataan Masalah	7
1.3	Objektif Kajian	11
1.4	Persoalan Kajian	12
1.5	Hipotesis Kajian	13
1.6	Kepentingan Kajian	14
1.7	Kerangka Konsep Kajian	15
1.8	Skop Kajian	16





1.9	Definisi	17
1.9.1	Kecerdasan Emosi	17
1.9.2	Stres Bebanan Tugas	18
1.9.3	Guru Tadika	19
1.10	Kesimpulan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	20
2.1	Konsep dan Teori Kecerdasan Emosi	21
2.1.1	Konsep Kecerdasan Emosi	21
2.1.2	Teori Kecerdasan Emosi Bar-On	24
2.1.3	Kerangka Teori	26
2.1.4	Teori Lain Berkaitan Kecerdasan Emosi	27
2.2	Konsep Stres Bebanan Tugas	30
2.2.1	Stres	30
2.2.2	Bebanan Tugas	32
2.3	Kecerdasan Emosi dan Stres Bebanan Tugas Guru	35
2.4	Tinjauan Kajian-kajian Lepas	36
2.5	Kesimpulan	42

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	43
3.1	Reka Bentuk Kajian	44
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	45
3.3	Tempat Kajian	48
3.4	Instrumen Kajian	49



3.5	Pemarkahan Skor	58
3.6	Prosedur Kajian	59
3.7	Kesahan Instrumen	60
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen	61
3.9	Kajian Rintis	62
3.9.1	Tujuan Kajian Rintis	62
3.9.2	Pentadbiran Kajian Rintis	63
3.10	Penganalisan Data	64
3.11	Kesimpulan	66

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	67
4.1	Huraian Latar Belakang Responden	68
4.2	Huraian Berdasarkan Persoalan dan Hipotesis Kajian	72
4.2.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Kecerdasan Emosi (KE) dalam Kalangan Guru-guru Tadika	72
4.2.1.1	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Kecerdasan Intrapersonal	72
4.2.1.2	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Kecerdasan Interpersonal	75
4.2.1.3	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran Penyesuaian	78
4.2.1.4	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Pengurusan Tekanan	80
4.2.1.5	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Keadaan Perasaan Am	82
4.2.1.6	Domain Kecerdasan Emosi Paling Dominan	85
4.2.1.7	Tahap Kecerdasan Emosi Guru Tadika di Kota Damansara	85

4.2.2	Persoalan Kajian 2: Apakah Tahap Stres Bebanan Tugas dalam Kalangan Guru-guru Tadika.	86
4.2.2.1	Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Stres Bebanan Tugas	86
4.2.3	Persoalan Kajian 3: Apakah Terdapat Hubungan antara Kecerdasan Emosi (KE) dengan Stres Bebanan Tugas Guru-guru Tadika	92
4.2.3.1	Adakah Terdapat Hubungan antara Domain Kecerdasan Emosi (KE) dengan Stres Bebanan Tugas Guru Tadika	94
4.3	Kesimpulan	105

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

5.0	Pengenalan	106
5.1	Perbincangan Hasil Kajian	107
5.1.1	Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Tahap Kecerdasan Emosi (Kecerdasan Intrapersonal, Kecerdasan Interpersonal, Kemahiran Penyesuaian, Pengurusan Tekanan dan Keadaan Perasaan Am) yang Paling Dominan bagi Guru Tadika di Mukim Kota Damansara	108
5.1.2	Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Tahap Stres Bebanan Tugas Guru Tadika di Mukim Kota Damansara.	110
5.1.3	Perbincangan Hasil Kajian Mengenai Hubungan di Antara Kecerdasan Emosi dengan Stres Bebanan Tugas Guru Tadika.	111
5.2	Rumusan	116
5.3	Cadangan	117
5.4	Cadangan Kajian akan Datang	119
5.5	Implikasi	122
5.5	Kesimpulan	123

**RUJUKAN**

124

LAMPIRAN**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

2.1	Emosi Asas dan Ahli-ahlinya	22
2.2	Kompetensi Emosi Bar-On	25
2.3	Definisi Kompetensi Emosi Bar-On	26
2.5	Tujuh Kemahiran Kecerdasan Emosi Higgs dan Dulewicz	28
2.6	Lima Domain Kecerdasan Emosi Goleman	29
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel	47
3.2	Senarai Tadika yang Dipilih di Daerah Petaling Utama	48
3.3	Jantina	50
3.4	Umur	50
3.5	Bangsa	50
3.6	Status Pendidikan	50
3.7	Tempoh Berkhidmat di Tadika	50
3.8	Contoh Item EQ-I yang telah diadaptasi dalam konteks guru-guru tadika Malaysia	52
3.9	Bilangan Item dan Taburan Item Mengikut Bidang EQ	53
3.10	Penskoran Bagi Mengukur Tahap Kecerdasan Emosi	54
3.11	Contoh item Stres Bebanan Tugas yang telah diadaptasi dalam konteks guru-guru tadika Malaysia.	56





3.12	Taburan Item Stres Bebanan Tugas Guru Tadika	57
3.13	Penskoran Bagi Mengukur Tahap Stres Bebanan Tugas	57
3.14	Pemarkahan Skor dan Tahap Kecerdasan Emosi dan Stres Bebanan Tugas Guru Tadika	58
3.15	Jadual Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Kajian	62
3.16	Ringkasan Pengujian Statistik Persoalan Kajian	64
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	68
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	69
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	70
4.4	Taburan Responden Mengikut Status Pendidikan	70
4.5	Taburan Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat di Tadika	71
4.6	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden	71
4.7	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Kecerdasan Intrapersonal	75
4.8	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Kecerdasan Interpersonal	77
4.9	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Kecerdasan Interpersonal	77
4.10	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Kemahiran Penyesuaian	79
4.11	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Kemahiran Penyesuaian	80
4.12	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Pengurusan Tekanan	81
4.13	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pengurusan Tekanan	82
4.14	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Keadaan Perasaan Am	84



4.15	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap	84
4.16	Min Keseluruhan Bagi Domain Kecerdasan Emosi	85
4.17	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Kecerdasan Emosi (n=87)	86
4.18	Taburan Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Responden Bagi Tahap Stres Bebanan Tugas (n=87)	89
4.19	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Stres Bebanan Tugas (n=87)	91
4.20	Korelasi Antara Kecerdasan Emosi Dengan Stres Bebanan Tugas	92
4.21	Analisis Penjadualan Silang Antara Kecerdasan Emosi dengan Stres Bebanan Tugas	93
4.23	Korelasi antara Kecerdasan Intrapersonal dengan Stres Bebanan Tugas	95
4.24	Analisis Penjadualan Silang antara Kecerdasan Intrapersonal dengan Stres Bebanan Tugas	96
4.26	Korelasi antara Kecerdasan Interpersonal dengan Stres Bebanan Tugas	97
4.27	Analisis Penjadualan Silang antara Kecerdasan Interpersonal dengan Stres Bebanan Tugas	98
4.29	Korelasi antara Kecerdasan Penyesuaian dengan Stres Bebanan Tugas	99
4.30	Analisis Penjadualan Silang Kemahiran Penyesuaian dengan Stres Bebanan Tugas	100
4.32	Korelasi antara Pengurusan Tekanan dengan Stres Bebanan Tugas	101
4.33	Analisis Penjadualan Silang antara Pengurusan Tekanan dengan Stres Bebanan Tugas	102
4.35	Korelasi antara Keadaan Perasaan Am dengan Stres Bebanan Tugas	103
4.36	Analisis Penjadualan Silang antara Keadaan Perasaan Am dengan Stres Bebanan Tugas	104

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	16
2.4 Kerangka Teori	27
2.7 Teori Tugas Guru	34
4.22 Analisis Penjadualan Silang antara Kecerdasan Emosi dengan Stres Bebanan Tugas Mengikut Tahap	94
4.25 Analisis Penjadualan Silang antara Kecerdasan Intrapersonal dengan Stres Bebanan Tugas Mengikut Tahap	96
4.28 Analisis Penjadualan Silang antara Kecerdasan Interpersonal dengan Stres Bebanan Tugas Mengikut Tahap	98
4.31 Analisis Penjadualan Silang antara Kemahiran Penyesuaian dengan Stres Bebanan Tugas Mengikut Tahap	100
4.34 Analisis Penjadualan Silang antara Pengurusan Tekanan dengan Stres Bebanan Tugas Mengikut Tahap	102
4.37 Analisis Penjadualan Silang antara Keadaan Perasaan Am dengan Stres Bebanan Tugas Mengikut Tahap	104



SENARAI SINGKATAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
EQ – i	<i>Emotional Quotient Inventory</i>
ECI	<i>Emotional Competence Inventory</i>
OSI	<i>Occupational Stress Indicator</i>
SUEIT	<i>The Swinburne University Emotional Intelligence Test</i>
ORQ	<i>The Occupational Roles Questionnaire</i>
PNU	<i>Payame Noor University</i>
NUT	<i>National Union of Teachers</i>





BAB 1

PENDAHULUAN



Kecerdasan emosi sangat penting dalam kehidupan seseorang sama ada dalam hal peribadi, keluarga mahu pun dalam pekerjaan. Menurut Goleman (2001), kecerdasan emosi merupakan kebolehan seseorang untuk mengawal emosi diri dan emosi orang lain serta boleh membezakan kebaikan. Setiap manusia mempunyai kemampuan yang berbeza-beza dalam mengurus dan mengendalikan emosi masing-masing. Keupayaan dan kemampuan ini menentukan tahap kematangan intelektual, perkembangan diri dan kesejahteraan emosi seseorang individu. Individu yang dikatakan mempunyai kualiti dan kehebatan dalam kecerdasan emosi merupakan individu yang mampu dan berupaya dalam menggunakan dimensi perasaan yang ada pada diri dan prihatin terhadap orang lain serta boleh mengawal kepuasan diri (Sofian & Rohany, 2010).





Individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi mestilah memiliki nilai positif dan seterusnya menunjukkan tahap kualiti kerja yang baik dan memuaskan. Keadaan ini juga akan menyebabkan kualiti hidup individu itu bertambah baik, kurang berlaku ketegangan dan juga kurang mendapat tekanan (Najmuddin, 2013). Kecerdasan emosi yang baik perlu ada pada diri seorang guru sama ada guru tadika, guru sekolah rendah atau guru sekolah menengah bagi memastikan kualiti dan mutu di dalam pendidikan dapat dijaga dan dilaksanakan dengan baik selari dengan perkembangan dunia yang semakin mencabar pada masa kini. Walau bagaimanapun, beban tugas guru tadika yang terlalu banyak untuk dilakukan menyebabkan guru tadika gagal untuk mengawal dan mengendalikan emosi sekaligus boleh membawa kepada stres.



negatif. Stres positif dikenali dengan eustress yang diperlukan oleh individu untuk mendorong dirinya melakukan sesuatu kerja atau tugas hingga berjaya dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi kerjanya. Stres negatif iaitu distress merupakan rangsangan yang boleh menyebabkan individu berasa sakit dan berputus asa dalam melakukan sesuatu kerja atau tugas. Distress yang tidak terkawal boleh menyebabkan seseorang mengalami kemurungan, keinginan membunuh diri dan putus harapan. Eustress adalah stres yang menggembirakan atau disebabkan berlakunya peristiwa yang positif, manakala distress adalah stres yang mengecewakan disebabkan berlakunya peristiwa yang negatif. Apabila tuntutan seseorang itu tidak setanding dengan kemampuan kemahiran daya tindakan, stres boleh berlaku pada dirinya.





Kebiasaannya, stres yang dialami oleh guru terutamanya guru tadika berpunca dari pelbagai pihak seperti kanak-kanak, rakan sekerja, ibu bapa, masyarakat, pihak pentadbir tadika dan juga bebanan tugas yang sangat banyak. Tingkah laku kanak-kanak yang pelbagai dan bermasalah menambahkan lagi beban guru di tadika. Tugas untuk melaksanakan arahan pentadbiran tadika dan sekolah turut menyumbang kepada stres dalam kalangan guru-guru tadika (Abdul Said & Muhamad Hisyam, 2010). Stres yang dialami ini boleh menyebabkan guru tadika tersebut tidak dapat menjalankan peranannya sebagai guru yang penyabar dan penyayang sekaligus menyebabkan wujudnya simptom stres seperti cepat marah.

Justeru, penting bagi seorang guru tadika mempunyai keupayaan dalam mengawal dan mengendalikan emosi sendiri. Menurut Haslina (2013), kawalan emosi yang baik boleh membantu guru tadika untuk membuat pertimbangan terhadap sesuatu perkara. Kenyataan ini bersesuaian dengan penekanan yang diberikan oleh Goleman (1995) yang mengatakan bahawa kawalan emosi adalah bergantung kepada tingkat kecerdasan emosi seseorang itu. Seseorang individu tidak dapat membuat pertimbangan berdasarkan perasaan emosi yang negatif seperti benci, tertekan dan marah. Oleh itu, elemen kecerdasan emosi guru tadika telah dikaji dalam kajian ini untuk mengenal pasti tahap dan perhubungannya dengan stres bebanan tugas mereka.





1.1 Latar Belakang Kajian

Guru berperanan penting dalam membangunkan modal insan sama ada di peringkat tadika, sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Guru bukan hanya perlu pakar dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran asas dalam mata pelajaran tertentu, tetapi perlu mempunyai kecerdasan emosi dan kemahiran sosial yang baik bagi membantu mereka melaksanakan kerja dengan lebih berkesan. Kecerdasan emosi yang tinggi memainkan peranan penting kerana ia mempengaruhi perkembangan mental dan intelektual individu. Menurut Najmuddin (2013), individu yang memiliki kecerdasan emosi yang baik akan menghasilkan kerja yang memenuhi tuntutan objektif yang ingin dicapai dan begitu juga sebaliknya. Bermakna, kecerdasan emosi dan nilai diri akan mempengaruhi prestasi kerja, imej diri dan kualiti hidup seseorang.



Profesion perguruan merupakan satu bidang kerjaya yang sangat mencabar dan tidak semua manusia dianugerahkan oleh Allah SWT untuk menjadi seorang guru. Kejayaan sesebuah kumpulan, unit atau organisasi dalam bidang perguruan ini bukan hanya bergantung kepada kebolehan guru melakukan kerja dengan baik, tetapi juga bergantung kepada kebolehan mereka untuk membantu antara satu sama lain. Dari sudut kecerdasan emosi itu sendiri, ia bermaksud kebolehan setiap guru yang berfungsi dalam kumpulan, unit atau organisasi tersebut dalam membantu rakan sekerja menguruskan emosi untuk berkomunikasi secara berkesan, memotivasikan diri dan rakan sekerja untuk memberikan yang terbaik dalam pekerjaan serta menyelesaikan sebarang konflik yang timbul di tempat kerja (Najmuddin, 2013). Semua kebolehan ini tidak dapat dilakukan dengan baik jika setiap guru dalam





organisasi ini tidak berpegang kepada nilai positif yang boleh membantu mencapai matlamat bersama.

Bar On (1997) dalam kajiannya mengenai perhubungan antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja membuktikan bahawa kombinasi domain-domain dalam kecerdasan emosi seperti hubungan intrapersonal, hubungan interpersonal, pengurusan tekanan, kebolehsuaian sendiri dan perasaan keseluruhan mempunyai hubungan dengan kepuasan pekerja (Sofian, Ahmad Jazimin, Mohamad Nasir & Muhammad Bazlan, 2013). Sehubungan itu, kecerdasan emosi mempunyai peranan yang sangat penting bagi menentukan kepuasan bekerja seseorang individu dalam bidang kerjaya yang diceburinya. Jika tahap kecerdasan emosi seseorang guru itu tinggi, maka kepuasan dalam bidang kerjaya yang diceburinya juga semakin tinggi

dan begitu juga sebaliknya.



Tidak dinafikan, guru mempunyai tanggungjawab yang besar kepada persekitarannya sama ada kepada pelajar itu sendiri, ibu bapa, pentadbiran, masyarakat, agama dan negara. Namun demikian, guru pada zaman ini terus dibebani dengan pelbagai cabaran dan masalah lain hingga mencabar kredibiliti guru itu sendiri sebagai pendidik terutamanya dalam kalangan guru-guru tadika (Haslina, 2013). Guru-guru tadika bukan hanya perlu berdepan dengan bebanan tugas di tadika yang terlalu banyak, malah perlu berdepan dengan tingkah laku kanak-kanak yang pelbagai. Bebanan tugas ini menyebabkan guru tadika mengalami stres, kemurungan, cepat marah dan melaksanakan kerja dengan tidak bersungguh-sungguh.





Saban hari, bebanan kerja guru semakin bertambah dan kompleks (Kasiman, 2012). Guru yang bekerja di tadika bukan sahaja perlu melakukan tugas utama mereka iaitu mengajar, malah perlu melakukan tugasan lain seperti, melengkapkan rekod kemajuan kanak-kanak, menyiapkan ringkasan mengajar, mengisi buku kehadiran, mengisi rekod kesihatan dan mengendalikan program tahunan di tadika. Akibat bebanan tugas yang terlalu banyak untuk dilaksanakan dan diselesaikan dalam satu masa yang sangat terhad, guru tadika mengalami stres dan tidak merasai kepuasan dalam kerjaya mereka sendiri.

Bukan mudah menjadi seorang pendidik terutama guru tadika kerana tidak semua individu sanggup berdepan dengan kerenah kanak-kanak yang datangnya daripada pelbagai latar belakang, sosioekonomi dan juga budaya. Guru yang mempunyai sifat ikhlas, sabar dan berilmu dapat bertahan lama untuk bekerja di tadika atau prasekolah sahaja yang dapat berdepan dengan kanak-kanak ini. Guru tadika mempunyai peranan yang sangat penting dalam membantu pembentukan peribadi kanak-kanak (Abdul Said & Muhamad Hisyam, 2010). Segelintir masyarakat menganggap bidang pendidikan awal kanak-kanak sangat mudah dan sesiapa sahaja boleh mengajar golongan ini. Namun demikian, mereka tidak sedar bahawa tugas seorang guru tadika tidaklah semudah seperti yang disangka kerana perubahan yang terlalu cepat berlaku dalam dunia pendidikan mengikut keadaan semasa sangat mencabar dan membebankan guru tadika sekaligus menyebabkan mereka menjadi stres.





Disebabkan kecemerlangan pendidikan dan peningkatan kualiti sangat bergantung kepada guru-guru, maka pihak-pihak seperti tadika, sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia perlulah peka dengan masalah stres yang dihadapi oleh guru ini. Hal ini kerana, guru-guru dikategorikan sebagai kumpulan yang sangat penting dan bertanggungjawab dalam merealisasikan matlamat dan impian negara untuk menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020 (Tajulashikin, Fazura & Mohd Burhan, 2013).

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan berdasarkan masalah stres bebanan tugas yang dihadapi oleh guru-guru tadika. Masalah ini sering dilihat oleh pengkaji sendiri apabila rakan-rakan yang bekerja sebagai guru tadika selalu meluahkan perasaan mereka akibat terlalu stres dengan bebanan kerja yang perlu dilakukan di tempat kerja. Menurut Abdul Said dan Muhamad Hisyam (2010), guru yang selalu mengalami stres dalam pekerjaannya akan menjejaskan prestasi kerjayanya serta menjejaskan pencapaian akademik murid. Ini kerana guru yang berada dalam keadaan stres kurang mengambil berat tentang pengajarannya sekaligus mengganggu proses perkembangan pembelajaran murid tersebut.

Pada tahun 2012, statistik menunjukkan sebanyak 0.128 peratus iaitu 530 guru daripada jumlah guru di seluruh negara mengalami masalah gangguan mental berdasarkan proses intervensi yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun tersebut (Utusan Online, 13 Disember 2012). Menurut Timbalan Menteri





Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi, jumlah itu berkurangan berbanding tahun sebelumnya iaitu 747 pada tahun 2011. Tambah beliau lagi, pihak kementerian telah mengambil langkah dengan menyediakan khidmat sokongan sosial melalui kaunselor organisasi dalam membantu para guru yang berdepan dengan gangguan emosi dan mental. Statistik ini membuktikan bahawa gejala stres sememangnya wujud dalam kalangan guru.

Kegagalan guru untuk mengawal diri akibat stres boleh menyebabkan hubungan antara guru dan kanak-kanak terjejas, sekaligus boleh mendatangkan kesan kepada kualiti guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Pada masa yang sama, kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan turut terjejas serta boleh membantutkan usaha dalam mewujudkan kelompok masyarakat yang mampu



memacu negara ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang (Sapora Sipon, 2007).

Stres yang dialami oleh guru ini juga boleh mengundang rasa ketidakpuasan hati guru terhadap kerja yang dilaksanakan. Seterusnya, guru yang mengalami ketegangan emosi ini lebih cenderung untuk meninggalkan profesion keguruan dengan begitu sahaja.

Menurut Hashim Adnan iaitu Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), ada dalam kalangan guru yang menghubungi beliau sambil menangis dan menyatakan hasratnya untuk berhenti kerja akibat terlalu stres dengan bebanan tugas yang terlalu banyak untuk dilakukan di sekolah (Harian Metro, 29 April 2011). Tambah beliau lagi, sekiranya terlalu banyak tugas lain yang perlu dilakukan oleh guru, dikhuatiri keadaan ini akan menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan kepada murid kerana guru terlalu penat serta tidak dapat menumpukan





perhatian dengan sebaiknya terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Seterusnya, pembangunan negara yang terlalu pesat dalam menuju abad ke-21, tidak akan meringankan bebas tugas semua guru sama ada di peringkat tadika hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Di tempat kerja, guru tadika perlu melakukan pelbagai tugas seperti menyediakan rancangan pengajaran harian, membuat alat bantu mengajar, menjalankan tugas pengkeranian, dan menjalankan tugas-tugas harian lain yang bukan hanya mengajar di tadika semata-mata (Abdul Said & Muhamad Hisyam, 2010). Bebanan tugas yang terlalu banyak ini telah menyebabkan guru mengalami stres bukan sahaja di tempat kerja malah boleh terbawa-bawa hingga ke rumah. Stres yang dialami oleh guru ini boleh menyebabkan guru tidak dapat menjalankan fungsinya dengan baik sebagai seorang guru yang penyabar dan penyayang.



Kenyataan ini disokong lagi dengan Norashid dan Hamzah (2014) yang mengatakan bahawa tugas guru bukan sahaja mengajar di dalam kelas, tetapi turut dibebani dengan tugas lain di tempat kerja. Bebanan tugas yang banyak ini boleh menyebabkan guru tidak dapat menyempurnakan tugas dengan baik sekaligus boleh mengundang stres ke dalam diri guru tersebut. Ketegangan yang berterusan ini boleh mempengaruhi psikologi guru tersebut dan menyebabkan guru tersebut cepat marah, hilang fokus dan agresif. Keadaan ini juga boleh menyebabkan guru tersebut tidak bersemangat serta kurang bermotivasi untuk melaksanakan tugasnya sebagai guru di tempat kerja.





Bukan semua orang sanggup berdepan dan melayan kerenah kanak-kanak. Tambahan pula, kanak-kanak ini datang dari pelbagai latar belakang, sosioekonomi dan juga budaya (Abdul Said & Muhamad Hisyam, 2010). Guru yang berniat ikhlas, sabar dan berilmu sahaja dapat bertahan lama untuk mengajar di tadika atau prasekolah. Perkembangan dan perubahan dalam pendidikan mengikut keadaan semasa mempengaruhi kehendak atau keinginan ibu bapa untuk melihat anak-anak mereka lebih berjaya dalam pencapaian akademik. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa terlalu mendesak guru untuk melakukan apa sahaja demi kepentingan anak mereka tanpa mengambil kira stres yang dihadapi oleh guru akibat desakan tersebut.

Menurut Brazil (2013), kajian mengenai stres dalam kalangan guru sekolah rendah dan sekolah menengah telah banyak dijalankan secara meluas. Walau bagaimanapun, kajian mengenai stres dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak adalah terhad dan tidak banyak dijalankan. Menurutny lagi, beban kerja yang memerlukan guru untuk memenuhi standard akademik yang pelbagai boleh menyebabkan emosi guru tadika terganggu sekaligus menyebabkan stres berlaku. Memahami stres yang berlaku ini sangat rumit, pengkaji telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian terhadap guru tadika bagi melihat apakah tahap kecerdasan emosi dan tahap stres bebanan tugas guru tadika. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat adakah kedua-dua pembolehubah ini mempunyai perhubungan antara satu sama lain.





1.3 Objektif Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian, pengkaji telah menetapkan tiga objektif utama bagi kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru-guru tadika.
 - a. Mengukur tahap kecerdasan intrapersonal dalam kalangan guru-guru tadika.
 - b. Mengukur tahap kecerdasan interpersonal dalam kalangan guru-guru tadika.
 - c. Mengukur tahap kemahiran penyesuaian dalam kalangan guru-guru tadika.
 - d. Mengukur tahap pengurusan tekanan dalam kalangan guru-guru tadika.
 - e. Mengukur tahap keadaan perasaan am dalam kalangan guru-guru tadika.
- ii. Mengukur tahap stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan



- a. Mengukur sama ada terdapat hubungan antara kecerdasan intrapersonal dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
- b. Mengukur sama ada terdapat hubungan antara kecerdasan interpersonal dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
- c. Mengukur sama ada terdapat hubungan antara kemahiran penyesuaian dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
- d. Mengukur sama ada terdapat hubungan antara pengurusan tekanan dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
- e. Mengukur sama ada terdapat hubungan antara keadaan perasaan am dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.





1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah berdasarkan kepada objektif yang telah dikenal pasti iaitu:

- i. Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru-guru tadika.
 - a. Apakah tahap kecerdasan intrapersonal dalam kalangan guru-guru tadika.
 - b. Apakah tahap kecerdasan interpersonal dalam kalangan guru-guru tadika.
 - c. Apakah tahap kemahiran penyesuaian dalam kalangan guru-guru tadika.
 - d. Apakah tahap pengurusan tekanan dalam kalangan guru-guru tadika.
 - e. Apakah tahap keadaan perasaan am dalam kalangan guru-guru tadika.
- ii. Apakah tahap stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
- iii. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan stres bebanan tugas guru-guru tadika.
 - a. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan intrapersonal dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
 - b. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan interpersonal dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
 - c. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran penyesuaian dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
 - d. Adakah terdapat hubungan antara pengurusan tekanan dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.
 - e. Adakah terdapat hubungan antara keadaan perasaan am dengan stres bebanan tugas dalam kalangan guru-guru tadika.

